



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI  
KOD KURSUS : DSM1043  
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022  
MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---


**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH SOALAN (20)**.

Jawab semua soalan di dalam kertas jawapan.

1. Apakah maksud pilihan dalam konsep asas ekonomi?
  - A Pilihan yang mendapat persetujuan ramai.
  - B Pilihan yang tidak mendapat persetujuan ramai.
  - C Pilihan terbaik yang dipilih selepas menilai pelbagai alternatif yang ada.
  - D Pilihan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan hasil daripada pemilihan yang terbaik.
  
2. Manakah antara berikut menggambarkan cabang kajian di dalam bidang makroekonomi?
  - A Kejatuhan eksport produk agrikultur di Malaysia.
  - B Kenaikan harga rokok kesan cukai daripada kerajaan.
  - C Harga sebotol air mineral yang dikeluarkan di Malaysia.
  - D Kenaikan gaji penjawat awam pada tahun 2018 kesan daripada kenaikan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

3. Gambar rajah 1 di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran negara X bagi Pengeluaran barang kereta dan rumah.



Gambar rajah 1

Berdasarkan gambar rajah 1 diatas, apakah yang akan berlaku apabila barangan dikeluarkan pada titik A?

- A Berlakunya masalah kekurangan sumber.
  - B Berlakunya masalah pembaziran sumber.
  - C Pengeluaran berlaku pada titik yang paling cekap.
  - D Negara X perlu membuat pilihan sama ada mengeluarkan rumah ataupun kereta.
4. Mengapakah Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) berbentuk cembung?
- A Semakin banyak sesuatu barang yang hendak dikeluarkan, maka semakin banyak barang lain yang harus dilepaskan.
  - B Semakin sedikit sesuatu barang yang hendak dikeluarkan, maka semakin banyak barang lain yang harus dilepaskan.
  - C Semakin banyak sesuatu barang yang hendak dikeluarkan, maka semakin sedikit barang lain yang harus dilepaskan.
  - D Menggambarkan bahawa kos lepas sesuatu barang adalah tetap walaupun pengeluaran barang lain bertambah secara berterusan.

5. Apakah yang dimaksudkan kos lepas malar?
- A Semakin banyak jumlah sesuatu barang ditambah, semakin banyak jumlah barang lain yang perlu dilepaskan.
  - B Semakin banyak jumlah sesuatu barang ditambah, sama jumlah barang lain yang perlu dilepaskan.
  - C Semakin sedikit jumlah sesuatu barang ditambah, semakin banyak jumlah barang lain yang perlu dilepaskan
  - D Semakin sedikit jumlah sesuatu barang ditambah, semakin banyak jumlah barang lain yang perlu dilepaskan.
6. Apakah yang mempengaruhi keputusan perletakan harga barangan di dalam sistem ekonomi campuran?
- A Mekanisme harga.
  - B Kepentingan peribadi
  - C Prinsip- prinsip syariah.
  - D Sektor swasta dan kerajaan yang menjalankan aktiviti ekonomi.
7. Antara yang berikut, yang manakah **tidak** benar tentang sistem ekonomi pasaran sosialis?
- A Pengguna bebas membuat pilihan.
  - B Harga ditentukan oleh kerajaan.
  - C Tiada persaingan di kalangan pengeluar.
  - D Sumber dimiliki oleh kerajaan.
8. Apabila harga bagi barang normal jatuh, apakah yang akan berlaku kepada permintaan bagi barang tersebut?
- A Menurun.
  - B Meningkat.
  - C Tidak berubah.
  - D Tidak dapat dikenalpasti.

9. Apakah perbezaan penawaran individu dengan penawaran pasaran?
- A Penawaran individu dilakukan oleh dua individu sahaja, manakala penawaran pasaran dilakukan oleh lebih daripada tiga individu.
  - B Penawaran individu dilakukan oleh satu individu sahaja, manakala penawaran pasaran dilakukan oleh lebih daripada tiga individu.
  - C Penawaran individu dilakukan oleh satu individu sahaja, manakala penawaran pasaran dilakukan oleh lebih daripada satu individu.
  - D Penawaran individu dilakukan oleh satu individu sahaja, manakala penawaran pasaran dilakukan oleh lebih daripada dua individu.
10. Antara berikut, manakah pernyataan yang benar berkenaan hukum permintaan.
- A Berhubungan positif dengan harga.
  - B Berhubungan negatif dengan harga.
  - C Kuantiti penawaran tidak berkaitan dengan harga.
  - D Kuantiti permintaan tidak berkaitan dengan harga.

11.

"Hubungan antara petrol dan kereta adalah negatif di bawah keanjalan permintaan silang"

**Penyataan 1**

Berdasarkan pernyataan 1, mengapakah hubungan petrol dan kereta adalah negatif?

- A Petrol dan kereta merupakan barang yang bersifat neutral.
- B Petrol dan kereta merupakan barang yang saling memerlukan.
- C Petrol dan kereta merupakan barang pengganti antara satu sama lain.
- D Petrol dan kereta merupakan barang yang digunakan secara bersama – sama.

12.

"Keanjalan permintaan silang bagi barang ABC dan barang KBF bernilai - 2.67"

**Penyataan 2**

Berdasarkan penyataan 2 diatas, manakah antara berikut merupakan kombinasi antara barang ABC dan barang KBF?

- A Teh dan kopi.
  - B Kopi dan stoking.
  - C Kereta dan tayar
  - D Kereta dan payung.
13. Apakah empat (4) pengkelasan barangan yang boleh dikenalpasti dibawah keanjalan permintaan pendapatan.
- A barang bawahan, barang keperluan, barang normal dan barang mewah.
  - B barang keperluan, barang kehendak, bahan mewah dan barang normal.
  - C barang ekonomi, barang percuma, barang penganti dan barang penganap.
  - D barang bawahan, barang atasan, barang pertengahan dan barang percuma.
14. Manakah antara berikut merupakan penentu bagi keanjalan penawaran harga?
- A Jumlah pembeli
  - B Tingkat teknologi.
  - C Jangkaan harga pada masa hadapan.
  - D kewujudan barangan penganti bagi barang tersebut.
15. Bagaimanakah dasar harga lantai dapat digunakan bagi melindungi pengeluar beras di Malaysia?
- A Harga beras lebih tinggi daripada harga keseimbangan.
  - B Cukai akan dikenakan kepada pengeluar beras di Malaysia.
  - C Harga beras lebih rendah daripada harga keseimbangan.
  - D Pemberian subsidi oleh kerajaan kepada pengeluar beras di Malaysia.

16.

“Kerajaan menetapkan Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak sawit tulen dalam kemasan botol di bawah Perintah Kawalan Harga dan Anti pencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2021”

**Penyataan 3**

Berdasarkan pernyataan 3 diatas, manakah antara berikut **benar** apabila dasar harga maksimum dilaksanakan?

- A Berlakunya lebih permintaan bagi minyak masak.
- B Keluk permintaan bagi minyak masak akan beralih ke kiri.
- C Keluk permintaan bagi minyak masak akan beralih ke kanan.
- D Harga minyak masak akan lebih tinggi daripada keseimbangan pasaran.

17. Pilih pasangan yang betul berdasarkan situasi dan kesan yang akan berlaku

	Situasi	Kesan
<b>A</b>	Cukai dikenakan kepada minuman beralkohol.	Peralihan keluk permintaan minuman beralkohol ke kiri
<b>B</b>	Subsidi diberikan kepada pengeluar beras .	Peralihan keluk penawaran beras ke kanan.
<b>C</b>	Kos bahan mentah pengeluaran perabut menurun.	Peralihan keluk penawaran perabut ke kiri.
<b>D</b>	Citarasa pengguna Malaysia meningkat bagi produk kecantikan keluaran Jepun.	Keluk permintaan produk kecantikan keluaran Jepun beralih ke kiri.

18. Apakah yang akan membolehkan pengeluar menikmati kesan subsidi yang lebih tinggi berbanding pengguna?
- A keluk penawaran anjal sempurna.
  - B keluk permintaan anjal sempurna.
  - C keluk permintaan lebih anjal berbanding keluk penawaran.
  - D keluk penawaran lebih anjal berbanding keluk permintaan.
19. Antara berikut, mengapakah kerajaan melaksanakan dasar harga lantai di dalam pasaran barangan dan perkhidmatan?
- A Pengguna dapat menikmati barangan dan perkhidmatan di bawah harga keseimbangan.
  - B Dapat mengatasi masalah kekurangan barangan dan perkhidmatan di pasaran
  - C Mengelakkan berlakunya pasaran gelap barangan dan perkhidmatan
  - D Meningkatkan pendapatan pengeluar.
20. Apakah kesan subsidi kepada pengeluar?
- A Kos pengeluaran akan menurun dan menjadikan harga barang semakin meningkat.
  - B Kos pengeluaran akan menurun dan menjadikan harga barang semakin menurun
  - C Kos pengeluaran akan meningkat dan menjadikan harga barang semakin tidak stabil.
  - D Kos pengeluaran akan menurun dan menjadikan harga barang semakin lebih stabil.

[40 MARKAH]



## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

## SOALAN 1

Jadual 1 di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi negara M yang menghasilkan kereta dan gula.

Kombinasi Pilihan	Kereta (unit)	Gula (Kg)
A	0	30
B	3	25
C	6	20
D	9	15
E	12	10
F	15	5
G	18	0

Jadual 1

- a. Dengan menggunakan kertas graf lukiskan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi negara M.  
(4 markah)
  
- b. Berdasarkan keluk yang anda lukis pada soalan 1(a), apakah kos lepas yang dihadapi oleh negara M? Huraikan jawapan anda.  
(3 markah)
  
- c. Nyatakan **empat (4)** masalah asas ekonomi.  
(4 markah)
  
- d. Berdasarkan keluk yang anda lukis pada soalan 1(a), kenalpasti kedudukan titik kekurangan, pilihan, dan pembaziran.  
(3 markah)

- e. Huraikan kesan ke atas Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) bagi kereta dan gula apabila berlaku perubahan pada
- i. Kemasukan teknologi baru dalam pengeluaran gula dari luar negara. (3 markah)
  - ii. Kenaikan kos bahan mentah pengeluaran kereta. (3 markah)

## SOALAN 2

Jadual 2 di bawah menunjukkan Jadual kuantiti permintaan, penawaran dan pendapatan pengguna barang K di Bandar Naim.

Harga (RM per unit)	Kuantiti penawaran (unit)	Kuantiti permintaan (unit)	Pendapatan (RM)
2.20	7,000	5,000	1,200
2.40	8,500	4,000	1,500
2.60	9,900	3,000	1,800
2.80	12,000	2,000	2,000
3.00	12,500	1,000	2,200
3.20	13,000	800	2,400
3.40	14,500	500	2,500

Jadual 2

- a. Hitungkan keanjalan permintaan harga bagi barang K apabila harga barang K meningkat daripada RM 2.40 kepada RM 3.20. Berdasarkan jawapan anda nyatakan darjah keanjalan permintaan harga bagi barang K.  
(4 markah)
- b. Hitungkan keanjalan permintaan pendapatan bagi barang K apabila pendapatan pengguna meningkat daripada RM 1,200 kepada RM 2,000. Berdasarkan jawapan anda apakah jenis pengkelasan barang C.  
(4 markah)
- c. Barang A dan barang K merupakan barang penganap. Diandaikan berlaku kenaikan harga barang A daripada RM 2.80 kepada RM 3.20 dan permintaan barang K jatuh daripada 4,000 unit kepada 3,000 unit. Hitungkan keanjalan permintaan silang bagi membuktikan hubungan antara barang A dan barang K.  
(4 markah)

- d. Hitungkan keanjalan penawaran harga bagi barang K apabila harga barang K meningkat daripada RM 2.40 kepada RM 3.40. Berdasarkan jawapan anda nyatakan darjah keanjalan penawaran harga bagi barang K.

(4 markah)

- e. Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan permintaan harga?

(2 markah)

- f. Apakah yang dimaksudkan dengan keanjalan penawaran harga?

(2 markah)

## SOALAN 3

Jadual 3 menunjukkan kuantiti diminta ( $Q_d$ ) dan kuantiti ditawarkan ( $Q_s$ ) bagi motosikal di daerah Z pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta ( $Q_d$ )	Kuantiti ditawarkan ( $Q_s$ )
8,000	50	15
9,000	40	20
10,000	30	30
11,000	20	45
12,000	10	60

Jadual 3

- a. Lukiskan keluk permintaan dan penawaran bagi motosikal di atas sekeping kertas graf.  
(5 markah)
- b. Apakah yang dimaksudkan dengan lebihan permintaan?  
(2 markah)
- c. Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan bagi motosikal di daerah Z.  
(2 markah)
- d. Kerajaan telah melaksanakan kawalan harga di dalam pasaran motosikal dan telah menetapkan harga motosikal pada RM 12,000.
  - i. Kenalpasti jenis kawalan harga yang telah dikenakan oleh kerajaan?  
(2 markah)
  - ii. Tentukan sama ada berlakunya lebihan permintaan atau penawaran.  
(2 markah)

iii. Berdasarkan jawapan pada b(i) nyatakan **satu (1)** kelebihan pelaksanaan dasar kawalan harga tersebut.

(2 markah)

e. Lakar dan huraikan perubahan keatas keseimbangan pasaran Motosikal apabila berlakunya peningkatan pendapatan penduduk di Daerah K.

(5 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**